

CNS7905

U GB 28-12 00150 BH704

aab

Mahathir - Israel (Bergambar)

M'SIA BELUM SEDIA JALIN HUBUNGAN DENGAN ISRAEL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Malaysia belum bersedia untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Israel kerana "masih banyak yang perlu dilakukan oleh negara itu" sebelum pengiktirafan boleh diberikan kepadanya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Walau ada negara-negara Arab yang sudah mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel, kita belum sanggup kerana kita rasa banyak lagi yang perlu dibuat oleh Israel sebelum kita dapat iktiraf mereka," kata Perdana menteri pada persidangan akhbar selepas melawat Angkasapuri.

Beliau berharap Israel akan membuat kemajuan ke arah itu tidak lama lagi.

Walaupun menganggap perjanjian di antara Israel dan Palestin itu sebagai "satu perubahan yang amat menakjubkan", Dr Mahathir berpendapat persetujuan itu sahaja tidak mencukupi.

Beliau berkata ini kerana tidak ada pengakuan daripada Israel terhadap sebuah negara Palestin. -- lagi

▼28/12/17-16MST

U GB 28-12 00152 BH708

aab

Mahathir - Israel 2 Kuala Lumpur

Selain daripada itu tidak ada pengakuan daripada Israel bahawa mereka tidak akan menggunakan keganasan dalam usaha mencapai matlamat negara mereka sedangkan Palestin dikehendaki supaya tidak menggunakan senjata penganas.

"Kita tahu perjanjian yang sedikit inipun tidak dapat dilaksanakan. Kerana itu kita terpaksa menanti dulu sebelum kita ambil tindakan untuk menerima negara Israel," jelas Dr Mahathir.

Bagaimanapun, Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa masalah itu masih berterusan kerana sikap negara-negara Arab sendiri yang bermusuhan di antara satu sama lain.

Katanya, keadaan ini menyebabkan ada pihak yang tidak menyokong perdamaian kerana tahu tidak semua yang akan mendapat apa yang dituntutnya.

Ditanya mengenai peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam menangani pelbagai masalah antarabangsa sepanjang tahun ini, Perdana Menteri berkata beliau tidak puas hati dengan usaha-usaha yang diambil oleh kedua-dua pertubuhan itu, serta sikap Eropah.

-- lagi

▼28/12/17-41MST

CNS7937

U GB 28-12 00102 BH709

aab

Mahathir - Israel 3 (akhir) Kuala Lumpur

Beliau bagaimanapun gembira kerana Amerika Syarikat mengubah sikap dan mengundi bersama-sama negara Islam dan negara kecil lain supaya sekatan terhadap Bosnia ditarik balik bagi membolehkan rakyat negara itu mendapatkan senjata untuk mempertahankan diri mereka.

Dr Mahathir berkata sekatan itu memang menguntungkan puak Serb yang mendapat bekalan senjata sedangkan Bosnia tidak berupaya kerana dikelilingi oleh musuh.

Mengenai OIC pula, beliau berkata pertubuhan itu sama sekali tidak dapat mengambil tindakan kerana tidak bersependapat dan sememangnya lemah dan tidak mampu menghantar tentera ke Bosnia. -- Bernama

JO SIA

▼28/12/17-42MST